

Ikrar Guru

Kami, guru-guru Singapura, berikrar:

Kami akan menghasilkan yang terbaik untuk pelajar kami.

Kami akan menjadi teladan semasa menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Kami akan membimbing pelajar kami supaya menjadi rakyat Singapura yang baik dan berguna.

Kami akan terus belajar dan memupuk cinta akan pembelajaran kepada pelajar kami.

Kami akan mendapatkan kepercayaan, sokongan dan kerjasama ibu bapa dan masyarakat untuk membolehkan kami mencapai misi kami.

Anugerah Guru Arif Budiman

2010

24 Julai 2010

Grand Hyatt, Singapore

Tetamu Terbomat
Encik Abdullah Tarmugi
Speaker Parlimen

Anjuran

Dengan Sokongan



KESATUAN GURU-GURU
MELAYU SINGAPURA
(KGMS)



JAWATANKUSA PEMBELAJARAN
DAN PENGGALAKAN
PENGUNAAN BAHASA MELAYU
(JPPBMB)

Atur Cara

- 2.00 ptg Pendaftaran
2.30 ptg Persembahan angklung oleh Madrasah Aljunied Al-Islamiah
3.00 ptg Ketibaan Tetamu Terhormat

Tarian *Selamat Datang* oleh Kumpulan Artrika
Ucapan Pengurus Jawatankuasa AGAB 2010

Ucapan Tetamu Terhormat
Encik Abdullah Tarmugi
Speaker Parlimen

Deklamasi Sajak oleh Institut Millenia

Pembacaan Watikah

Penyampaian Anugerah Guru Arif Budiman 2010

Penyampaian Cenderahati

Jamuan

- 5.00 ptg Majlis berakhir

Anugerah Guru Arif Budiman

Sejak ia dimulakan pada tahun 2007, tahun ini merupakan tahun keempat, Anugerah Guru Arif Budiman dianjurkan.

Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura (KGMS) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) menganjurkan Anugerah Guru Arif Budiman 2010 bagi mengiktiraf sumbangan guru-guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Objektif Anugerah Guru Arif Budiman

Anugerah ini bertujuan mencapai objektif yang berikut:

- ❖ Mengiktiraf guru Bahasa Melayu atas sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah;
- ❖ Mengiktiraf dan menyokong sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
- ❖ Mengangkat sebagai teladan, guru-guru yang cemerlang dalam memperjuangkan dan memajukan Bahasa Melayu.

Gelar dan Jenis Anugerah

Anugerah Guru Arif Budiman - Teladan

- ❖ Diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang telah berkhidmat sebagai guru lebih dari 10 tahun

Anugerah Guru Arif Budiman - Perangsang

- ❖ Diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang telah berkhidmat sebagai guru kurang dari 10 tahun.



Sekapur Sirih

Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad
Setiausaha Parlimen Kanan

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Ehwal dalam Negeri
serta Pengerusi Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)

Tahniah kepada Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS) yang telah menjadi pengajar Anugerah Guru Arif Budiman buat kali keempat pada tahun ini, sejak anugerah ini diperkenalkan pada tahun 2007. Kesinambungan usaha ini pastinya mencerminkan iltizam KGMS mengiktiraf dan meningkatkan martabat guru-guru Bahasa Melayu dalam usaha mereka terus memajukan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah.

Sehingga tahun ini, kita telah menganugerahi tujuh belas orang guru Bahasa Melayu cemerlang. Pada tahun ini, panel pengadil telah memilih lima orang pemenang, tiga di peringkat sekolah rendah dan dua di peringkat sekolah menengah. Hal ini dipersetujui sebulat suara oleh mereka dan pihak pengajar bersama amat wajar sekali guru-guru yang layak menerima penghargaan ini. Apa yang penting ialah kita tahu bahawa Anugerah Guru Arif Budiman bukanlah satu pertandingan. Anugerah ini adalah pengiktirafan ke atas usaha gigih, kreatif lagi murni guru-guru yang telah menunjukkan semangat kekaryawanan yang tinggi dan hasrat mereka untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan sebaik-baiknya.

Majlis anugerah ini merupakan satu majlis penting yang mengiktiraf usaha guru-guru Bahasa Melayu untuk terus meningkatkan diri dan melestarikan penggunaan bahasa Melayu. Guru-guru Bahasa Melayu ialah pewaris yang bertanggungjawab untuk terus meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa, kesusastraan, nilai dan budaya Melayu. Kecemerlangan guru-guru Bahasa Melayu akan memudahkan lagi usaha masyarakat untuk terus menggalakkan generasi seterusnya menyemai dan memekarkan rasa cinta mereka terhadap bahasa dan budaya Melayu. Semoga usaha pengiktirafan ini akan terus memotivasi guru-guru yang lain.

Sekalung tahniah saya uatakan kepada pemenang Anugerah Guru Arif Budiman 2010 dan semua guru yang telah dicalonkan tahun ini. Semoga cikgu akan terus berusaha melakukan yang terbaik. Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu akan terus menyokong usaha-usaha masyarakat, seperti yang dilakukan oleh KGMS, dalam menggalakkan pengajaran, pembelajaran dan penggunaan Bahasa Melayu yang lebih baik.

Sekacip Pinang



Md Thahirrudin bin S. Kadarisman

Yang Di-Pertua

Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS)

Tahniah saya ucapan kepada pemenang-pemenang Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) 2010. Tahniah juga kepada guru-guru yang berjaya ke peringkat akhir.

Kami di KGMS bersyukur ke hadrat Ilahi atas terlaksananya AGAB 2010 dengan jayanya sekali lagi. Syabas kepada Jawatankuasa AGAB 2010 yang terdiri daripada ahli-ahli jawatankuasa KGMS dan wakil sekretariat MLLPC serta orang perseorangan yang sedia menabur bakti untuk mengiktiraf guru-guru bahasa Melayu kita.

KGMS akan sentiasa berusaha membantu guru-guru Melayu untuk mencapai kecemerlangan. Sepanjang sambutan Bulan Bahasa 2010 sahaja kami telah melaksanakan beberapa bengkel seperti bengkel tatabahasa oleh Prof Madya Dr Abdul Razak Abdul Karim, bengkel gurindam oleh Prof Madya Dr Rohizani Yaakub dan bengkel peribahasa oleh Pak Tenas Effendy dan Prof Madya Nuwairi Khaza'ai.

Semua usaha ini bertujuan untuk menambahkan ilmu pengetahuan guru-guru bahasa Melayu. KGMS juga telah mengendalikan beberapa bengkel untuk murid-murid sekolah rendah dan pelajar-pelajar di peringkat menengah dan pra-universiti. Antaranya ialah Bengkel Pantun yang merupakan usaha sama dengan Maktab Rendah Tampines. Bengkel tersebut telah dapat menarik penyertaan dari 50 buah sekolah di merata Singapura.

Sebagai sebuah kesatuan sekerja KGMS berlitzam untuk terus melakukan yang terbaik untuk anggotanya. Usaha ini hanya akan berjaya jika kami menerima sokongan padu daripada guru-guru Melayu. Kami amat bersyukur kerana mendapat sokongan daripada kumpulan sukarelawan guru-guru pelatih dan siswa-siswi dari Institut Pendidikan Nasional. Kami berharap lebih ramai guru Melayu yang akan bersedia untuk tampil dan menabur bakti.

Bagi pihak KGMS, saya mempelawa guru-guru Melayu (bukan yang mengajar bahasa Melayu sahaja) dan terutamanya guru-guru muda untuk menyumbang tenaga, pemikiran dan kepakaran mereka. Semoga dengan penglibatan anda sekalian kita akan dapat berganding bahu untuk terus meningkatkan sumbangan guru-guru Melayu kepada negara, masyarakat, warga guru dan para pelajar.

Sekali lagi saya ucapan syabas kepada pemenang-pemenang AGAB 2010 dan Jawatankuasa AGAB 2010 yang berusaha dengan sebaiknya untuk menjayakan usaha murni ini.

Kata Alur-aluan



Encik Arzami Salim

Pengerusi

Jawatankuasa Anugerah Guru Arif Budiman 2010

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin sekolah yang telah memberi sokongan kepada majlis pada hari ini. Majlis pada hari ini, Anugerah Guru Arif Budiman merupakan majlis bagi kita meraikan guru-guru yang cemerlang dalam kerjaya perguruan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah mencalonkan guru-guru bagi Anugerah Guru Arif Budiman.

Majlis ini amat bermakna kepada masyarakat guru bahasa Melayu. Walaupun kita meraikan penerima Anugerah Guru Arif Budiman pada hari ini, saya yakin terdapat lebih ramai guru yang sama hebat dan cemerlang. Saya harap guru-guru ini akan dicalonkan untuk Anugerah Guru Arif Budiman pada masa hadapan.

Saya ucapan tahniah kepada semua penerima Anugerah Guru Arif Budiman pada hari ini. Saya yakin anda semua akan terus menjadi inspirasi kepada para pelajar dan akan terus memberi galakan dan ransangan kepada pelajar supaya sentiasa berusaha menjadi pelajar dan insan yang cemerlang.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa terdapat 5 penerima Anugerah Guru Arif Budiman pada tahun ini. Terdapat 2 penerima bagi kategori Guru Teladan (Sekolah Rendah). Para penilai berpendapat kedua-dua orang guru layak menerima anugerah tersebut. Hal ini membuktikan proses penilaian dan pemilihan dijalankan secara kritikal dan terperinci.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa Anugerah Guru Arif Budiman 2010 yang telah sama-sama bergotong-royong untuk menjayakan majlis pada hari ini.

Sekali lagi saya ucapan tahniah kepada semua penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2010.

Jawatankuasa Anugerah Guru Arif Budiman 2010

Penasihat : Mohd Thahirrudin S. Kadarisman

Pengerusi : Arzami Salim

Setiausaha : Zafilin Abdul Hamid
Hj. Subari Sukaimi

Anggota :	Abdul Malek Ahmad Djohan Abdul Rahman Hasnah Hassan Hirman Mohamed Khamis Khairul Anuar Ibrahim Milahwati Hussain Mohamad Nor Mohd Hussain Mohd Taib Yusop Md Noor Norazlan Ibrahim Norsena Mohd Yusof Nurhazimah Abdul Halim Rohan Nizam Basheer	Jamilah Ab Jalil Kamaliah Osman Hanim Ab Ghani Muhd Nasiruddin Abd Razak Muhammad Sadiq Samsudin Sri Rahayu Zainal Reduan Ibrahim Mohd Fuad Salim Siti Noraini Ibrahim
------------------	--	--

Penilai Anugerah Arif Budiman 2010

Dr. Abbas Mohd. Sharif

Encik Isa Kamari

Encik Ismail Pantek

Encik Md Ma'mun HMF Suhaimi

Encik Wan Hussin Zoohri

Cik Fuziah Taha

Dr. Saeda Buang

Puan Aini Maarof


Puan Haslinda Mispan

Puan Zakiah Halim

Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2010



Guru Perangsang
Cikgu Muliana binte Mohammad
Sekolah Rendah Jiemin



Guru Perangsang
Cikgu Haniza binte Abdul Manan
Sekolah Menengah Guangyang



Guru Teladan
Cikgu Nurisham bin Ismail
Sekolah Rendah Jing Shan



Guru Teladan
Cikgu Hafsa binte Mohd Kassim
Sekolah Menengah Dunman



Guru Teladan
Cikgu Norashikin bte Abdul Hamid
Sekolah Rendah Rulang



Cikgu Muliana binte Mohammad
Guru Sekolah Rendah Jiemin
Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2010
Kategori Guru Perangsang

Cikgu Muliana binte Mohamed telah mengajar selama lapan tahun. Beliau telah dilantik menjadi guru penyesalas bagi Jabatan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jiemin pada tahun 2006. Beliau banyak memberikan sokongan kepada guru-guru Bahasa Melayu di bawah jagaannya untuk memastikan pengajaran yang berkesan dapat dilaksanakan. Beliau juga banyak membantu guru-guru lain dengan menyumbangkan idea tentang teknik pengajaran yang berkesan. Cikgu Muliana tidak keberatan menjemput guru-gurunya duduk di dalam bilik darjah untuk memerhatikan pengajaran beliau. Beliau juga telah memulakan pembinaan *buku-e* (*buku elektronik*) dwibahasa di sekolahnya untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid-muridnya. Selain itu, usahanya mengendalikan bengkel bahasa dan teknik pembelajaran bagi ibu bapa menunjukkan keyakinan beliau bahawa ibu bapa yang berpengetahuan akan dapat menyokong pembelajaran anak-anak mereka di rumah. Dalam berkomunikasi dengan murid-muridnya beliau menggunakan rangkaian *Facebook* untuk memberikan nasihat kepada mereka dan bertukar khabar dengan bekas pelajar-pelajarnya. Beliau berusaha merangsang minat murid-muridnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dengan sentiasa memberikan pengiktirafan kepada murid-murid yang melakukan yang terbaik dalam latihan dan perbincangan dalam bilik darjah.

Berputiknya minat

Saya terkenang akan zaman kanak-kanak. Semasa itu, saya sering berlagak seperti seorang guru sambil memegang sebatang kapur putih dan pembaris panjang untuk mengajarkan ejaan kepada adik saya. Tidak pula saya sangka bahawa lebih 20 tahun kemudian, saya bergelar Cikgu Muliana Mohammad. Ini semua atas dorongan ayah saya yang amat berminat dengan bidang perguruan dan ingin saya menjadi seorang guru.

Tanggungjawab dan harapan

Pengalaman selama 9 tahun dalam bidang pendidikan telah mendewasakan saya. Setiap hari, pasti ada sahaja perkara baru yang dapat saya pelajari daripada murid-murid saya. Merekalah sebenarnya yang memberikan perangsang kepada saya dan menjadikan saya pendidik yang lebih matang.

Sebagai guru Bahasa Melayu, saya berusaha untuk meningkatkan minat murid-murid saya terhadap bahasa dan budaya Melayu. Aktiviti-aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu, saya gabungkan dengan pelbagai teknik dan strategi yang menarik. Setiap aktiviti yang dirancang itu pasti diselitkan dengan pembelajaran koperatif.

Pengajaran pembezaan dan penilaian holistik lebih kerap digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini saya lakukan supaya murid-murid dapat menikmati suasana pembelajaran Bahasa Melayu yang lebih menyeronokkan. Kesimpulannya, apa sahaja ilmu yang saya pelajari dari kursus-kursus atau melalui pembacaan, saya cuba terapkan dalam pengajaran saya. Saya akan terus mencari idea-idea baharu, kreatif dan menarik kerana saya percaya jika kita dapat menghasilkan pengajaran bahasa Melayu yang berkualiti dan menarik, pastinya ilmu yang ingin disampaikan dapat disalurkan dengan mudah.



Cabaran yang dihadapi

Setiap murid mempunyai matlamat, sikap, motivasi dan kemampuan yang berbeza. Kerencaman inilah merupakan cabaran besar bagi seorang pendidik menghasilkan suasana pembelajaran yang menarik. Perhubungan yang baik dan kepercayaan yang tulus antara saya dan murid-murid banyak menyumbang kepada persekitaran pembelajaran yang selamat dan sejahtera.

Setiap murid memiliki kebolehan masing-masing. Dengan kebolehan yang pelbagai itu, saya cuba memberi peluang kepada mereka untuk menyertai aktiviti-aktiviti bahasa Melayu. Matlamat utama saya adalah untuk memberi mereka pendedahan dan menanamkan minat serta cinta kepada bahasa Melayu. Usaha seperti ini menambahkan lagi keakraban antara seorang pendidik dengan anak-anak didiknya. Bagi saya, setiap pendidik harus membentuk murid-murid supaya berfikiran kreatif dan berkeyakinan agar mereka dapat terus maju.

Salah satu perkara yang sering saya tanamkan dalam jiwa anak didik saya adalah perjalanan menimba ilmu itu tiada hentinya. Ilmu perlu dituntut. Saya sedang melanjutkan pengajian di UniSIM. Saya sering berkongsi pengalaman saya tentang cabaran menimba ilmu dan pengorbanan yang harus dilakukan kepada anak-anak didik saya. Pesanan saya kepada murid-murid saya, "jika kita fikir kita sudah mencapai segala-galanya, itulah detik kita akan berhenti berusaha. Tetapi jika kita rasakan kita masih kurang ilmu di dada, maka kita akan terus berusaha mencari ilmu."



Ucapan terima kasih

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada suami yang dicintai, kedua ibu bapa saya yang tidak putus-putus mendoakan dan memberi dorongan kepada saya. Juga kepada anak-anak yang tersayang. Ucapan terima kasih juga buat ustazah, guru-guru dan para pensyarah yang mendidik saya. Setinggi-tinggi penghargaan kepada pengetua sekolah saya yang yakin akan kebolehan saya, semua warga kerja di Sekolah Rendah Jiemin terutama guru-guru Bahasa Melayu yang menyokong dan memberi kerjasama selama ini. Terima kasih saya kepada murid-murid yang saya sayangi dan ibu bapa mereka yang sentiasa memberi sokongan. Tidak lupa juga kepada pihak penganjur yang mengiktiraf hasil kerja keras saya selama ini.



Cikgu Haniza binte Abdul Manan
Guru Sekolah Menengah Guangyang
Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2010
Kategori Guru Perangsang

Cikgu Haniza binte Abdul Manan telah mengajar selama enam tahun. Cikgu Haniza telah mengetuai projek penyelidikan tindakan (Action Research) yang menggabungkan penggunaan ICT dalam menulis eseи argumentatif. Apabila projek ini dikongsi di peringkat nasional usaha beliau diiktiraf dan *beliau telah meraih pingat perak dalam National Innovative Quality Circle (NIQC)* pada tahun 2009. Pasukannya juga telah memenangi *Outstanding Team Contribution Award* pada tahun yang sama. Pada tahun 2009, semasa mengikuti program penyerapan bagi guru-guru bahasa Melayu di Jakarta beliau telah berkongsi tentang penggunaan *Learning Circle (LC)* untuk pembangunan professional. Bersama guru pakar Cikgu Mohd Naim Daipi, beliau telah mengendalikan bengkel menggunakan lelaman *Wiki* dalam pembelajaran bahasa Melayu di peringkat kelompok sekolah. Beliau amat prihatin tentang minat pelajar-pelajar terhadap bahasa Melayu. Beliau sentiasa berusaha untuk menarik minat mereka dengan meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya bahasa ibunda hingga dapat meraih keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Sebagai seorang guru yang inovatif beliau sentiasa merangsang rakan-rakannya melalui sesi perkongsian beliau.

Guru Era Baharu

Dunia hari ini berada pada suatu era baharu. Ledakan teknologi maklumat membawa pemecutan ekonomi seterusnya kepada pemecutan perubahan sosial dan teknologi. Keadaan ini pada masa yang sama telah meletakkan dunia dalam suatu keadaan yang ditunjangi oleh kecanggihan teknologi maklumat yang bersifat interaktif. Pada masa yang sama, tuntutan dan peranan guru bahasa Melayu juga telah melalui satu evolusi. Kini, guru bahasa Melayu bukanlah guru yang hanya menyampaikan maklumat, bahkan guru bahasa Melayu kini perlu mempersiapkan diri menjadi agen bahasa Melayu yang berkemahiran dan intelektual yang peka serta pencetus pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan pelajarnya.

Pengajaran Bahasa Melayu

Dari segi praktik dan pedagogi, pengajaran Bahasa Melayu telah menyaksikan suatu anjakan penting. Pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah berkembang ke arah pembelajaran kendiri dan berpusatkan pada pelajar. Anjakan ini telah mencorakkan dan meningkatkan pembangunan profesional guru bahasa Melayu kerana guru bahasa Melayu kini perlu lebih gigih dan rasa terpanggil untuk sering muhasabah dan membuat renungan demi memperhalus dan menperdalam Ilmu Asas Pedagogi (PCK) atau pedagogi menguasai kemahiran berbahasa mereka. Ini direalisasikan bukan hanya melalui kursus-kursus peningkatan guru tetapi inisiatif guru itu sendiri untuk terus menimba ilmu dan mewujudkan peluang pembelajaran profesional.

Berbekalkan pemikiran global dan kecekapan melaksanakan kurikulum, guru bahasa Melayu kini perlu mengadunkan kepelbagaiannya kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan minat dan bakat pelajar untuk melahirkan

persekitaran pembelajaran yang dinamik. Justeru, fokus atau tugas guru bahasa Melayu mutakhir ini, ternyata mencabar kerana meliputi pendidikan segala aspek untuk melahirkan pelajar syumul. Dengan demikian, analogi guru sebagai lilin membakar diri bagi menerangi orang lain ternyata masih relevan pada masa kini. Guru bahasa Melayu pemangkin generasi Melayu yang cemerlang.



Cikgu Nurisham bin Ismail
Guru Sekolah Rendah Jing Shan
Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2010
Kategori Guru Teladan

Cikgu Nurisham telah bertugas sebagai guru selama 17 tahun. Sebagai seorang ketua subjek, beliau telah memperkenalkan pelbagai pembaharuan kepada program di sekolahnya bagi memenuhi keperluan murid-muridnya. Salah satu program yang dikendalikan ialah program pemulihan yang dirancang dengan teliti dengan mengambil kira keperluan murid dan disertakan dengan latihan guru bagi mencapai matlamat yang disasarkan. Bagi menggalakkan murid-murid membaca, beliau telah memperkenalkan program bacaan dengan menggunakan genre cerpen. Ini dilakukan dengan menerapkan asas kesusastraan Melayu supaya dapat meningkatkan minat murid untuk terus membaca. Cikgu Nurhisham juga terlibat secara aktif dalam pembangunan kurikulum di peringkat Kementerian Pendidikan dan menjadi anggota jawatankuasa kerja bagi kurikulum dan bahan pengajaran Bahasa Melayu. Beliau amat disegani oleh ibu bapa murid-muridnya kerana sentiasa menekankan pentingnya kerjasama ibu bapa dengan pihak sekolah. Beliau merupakan seorang guru yang sangat dihormati dalam kalangan rakan-rakan dan murid-murid di sekolahnya.

Mulanya disini...

Bidang pendidikan adalah kerjaya saya yang pertama. Bermula sebagai guru pelatih pada tahun 1991 sehingga dilantik sebagai guru pada tahun 1993 dan sehingga kini, tidak pernah terlintas di hati saya untuk bertukar kerjaya. Saya yakin tugas yang mencabar ini merupakan lombong yang perlu diterokai. Di sini terdapat logam yang boleh, dibentuk dan digilap untuk menghasilkan sesuatu yang bermakna. Berbekalkan keyakinan, keazaman dan minat yang mendalam, saya tingkatkan usaha untuk menggilap potensi murid-murid saya secara holistik.

Mendidik generasi muda...

Sudah sememangnya menjadi tanggungjawab saya untuk menyemai nilai murni dalam diri murid-murid, memperkasakan mereka dengan penguasaan bahasa dan memotivasi mereka untuk berusaha mencapai kejayaan dalam pendidikan, khususnya dalam bahasa Melayu agar mereka dapat menjadi pengguna dan pencinta Bahasa Melayu.

Penerokaan saya diwarnai dengan pengalaman yang menjadikan saya matang. Pengalaman ini membakar semangat saya untuk menyemai benih untuk memartabatkan dan melestarikan Bahasa Melayu. Sebagai pendidik, saya sedar bahawa anak didik kita adalah generasi yang akan mewarisi dan mewariskan pusaka Bahasa Melayu. Tanggungjawab saya juga ialah memastikan Bahasa Melayu dihayati dan dicintai.

Meningkatkan kemahiran...

Saya bersyukur kerana sepanjang penerokaan saya, saya berpeluang mempertingkatkan diri dan memperluaskan kemahiran, khususnya dalam bidang pedagogi yang menjadi kunci dalam pengajaran. Saya percaya, adalah

perlu bagi seseorang guru untuk sentiasa mencari peluang untuk meningkatkan mutu pengajarannya demi kepentingan para pelajar. Sehubungan dengan ini, saya berpeluang bekerjasama dengan Bahagian Perancangan dan Pengembangan Kurikulum (CPDD) sebagai anggota jawatankuasa kerja untuk menghasilkan Buku Mekar. Pengalaman ini telah banyak membantu saya di dalam kelas dan murid-murid saya meraih manfaatnya.

Usaha seorang pendidik...

Sebagai pendidik, saya percaya kita perlu sentiasa dahagakan ilmu. Perkongsian profesional adalah ruang dan peluang bagi guru-guru untuk saling bekerjasama dan berkongsi ilmu agar dapat dimanfaatkan oleh guru-guru dan para pelajar. Saya bertuah kerana berpeluang berkongsi pengalaman dengan para pendidik. Pada tahun 2007, saya diamanahkan untuk menggunakan bahan uji cuba Buku Mekar. Salah satu daripada pengajaran saya telah dirakamkan dan dikongsi bersama guru-guru di peringkat nasional. Pada tahun 2008, sesi pengajaran Sivik dan Moral saya telah dirakamkan bagi tujuan perkongsian. Usaha ini bukanlah hendak saya banggakan tetapi satu sumbangan yang diharap dapat dimanfaatkan oleh guru-guru.

Masa depan...

Membentuk anak didik kita bukanlah satu tanggungjawab yang ringan. Kita perlu peka dengan keperluan serta latar belakang para pelajar kita. Sejak dengan Matlamat Hasil Pendidikan 2015, saya telah merancang pelbagai program untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu agar murid-murid saya dapat menjadi penutur yang efektif. Antara program yang menyokong matlamat ini adalah Program Sastera, Program Kewartawanan dan Pengiklanan, Bengkel Kefahaman dan Penulisan Kreatif bagi murid-murid rendah atas dan murid-murid rendah bawah pula dilatih dan diberi peluang untuk Main Peran

dan Teater Pembaca (Readers' Theatre). Program-program ini dirancang dan dijalankan untuk memupuk minat dan kemahiran membaca, menulis dan bertutur dan sekali gus memperkaya penguasaan Bahasa Melayu.

Akhir kata, saya sentiasa gembira kerana telah memilih kerjaya perguruan. Saya sentiasa mengingatkan diri saya agar menempuh gelombang perubahan dan pembaharuan dalam sistem pendidikan dengan tenang dan optimistik. Di akhir penerokaan saya nanti, saya berharap cebisan sumbangan saya dalam dunia pendidikan dapat meninggalkan kesan yang positif.





Cikgu Norashikin binte Abdul Hamid
Guru Sekolah Rendah Rulang
Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2010
Kategori Guru Teladan

Cikgu Norashikin Binte Abdul Hamid telah mengajar selama 14 tahun. Beliau merupakan ketua subjek Bahasa Melayu yang sentiasa menitikberatkan pengajaran inovatif yang dapat memotivasi dan merangsang minat murid-muridnya terhadap Bahasa Melayu. Dalam pengajarannya beliau memperkenalkan iMovies, eNews (akhbar dalam talian) serta pelbagai kaedah pembelajaran ICT yang dapat meningkatkan penglibatan murid-muridnya dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Melalui wadah tersebut juga, beliau meningkatkan minat dan menanamkan cinta murid-muridnya terhadap warisan dan budaya Melayu. Beliau juga terlibat dalam peningkatan profesional guru-guru di peringkat kelompok sekolah dengan perkongsian penyediaan bahan pengajaran dan latihan guru-guru tersebut. Beliau juga pernah diberikan sijil penghargaan oleh Institut Pendidikan Nasional kerana penglibatan beliau dalam membimbing guru-guru pelatih yang diletakkan di bawah jagaan beliau. Cikgu Norashikin amat dihormati oleh ibu bapa murid-muridnya kerana sentiasa bersedia bekerjasama dengan mereka dalam hal-hal akademik dan pembentukan keseluruhan murid-muridnya. Beliau sering menghubungi ibu bapa bagi mengikuti perkembangan murid-muridnya dan memastikan mereka dapat mencapai prestasi yang baik.

Murid sumber motivasi...

Setiap kerjaya pasti ada cabarannya. Begitu juga dengan kerjaya sebagai seorang guru. Namun, kerjaya sebagai seorang guru tidak pernah membosankan saya kerana setiap hari saya perlu berhadapan dengan pelbagai keranah pelajar dari pelbagai latar belakang. Kadang kala tercuit hati dan terukir senyuman tatkala terkenang akan telatah mereka. Mereka lah yang menjadi sumber motivasi untuk saya terus meningkatkan diri agar dapat menjadi guru yang efektif.

Sebagai guru, saya perlu mengenal pasti profil murid-murid saya. Jika kita memahami profil murid-murid program serta aktiviti dapat dilakarkan dengan baik. Program yang dirancangkan akan dapat diseimbangkan dengan keupayaan dan minat murid-murid. Program yang dapat menarik minat pelajar akan menjamin pengajaran dan pembelajaran yang berkesan yang dapat mencapai matlamat pengajaran. Hal ini akan dapat meningkatkan keupayaan pelajar yang mempunyai potensi untuk mencapai kecemerlangan.

Inisiatif untuk pelajar...

Program di luar bilik darjah akan dapat menyediakan wadah bagi penggunaan bahasa Melayu. Melalui program-program tersebut, pelajar akan terdedah dengan penggunaan bahasa Melayu dalam situasi yang lebih santai. Antara program-program tersebut ialah Program Bacaan KEJORA, Program Penulis yang Efektif serta Unjuk & Ujar. Kami percaya dengan adanya asas yang kukuh, pelajar kami akan lebih bersedia menghadapi cabaran yang bakal ditempuh di peringkat selanjutnya.

Program-program lain yang seperti pendedahan kepada sastera juga disediakan. Antara perkara yang ditekankan dalam program luar bilik darjah ini

ialah penghayatan terhadap tarian tradisional setiap kaum di Singapura, seni anyaman, lukisan batik dan sebagainya.

Sumbangan ...

Pada tahun 2008, saya telah diberi kepercayaan untuk membuat perkongsian di MOE Excel 2008. Melalui perkongsian itu, peserta yang hadir dapat mempelajari perihal Program Pembentukan Akhlak yang dijalankan di sekolah kami dan melihat bagaimana sesi rundingan bersama pelajar dijalankan dengan menggunakan buku 'Character, Entrepreneurship and Leadership Learning' (CELL Booklet).

Guru sebagai teladan...

Akhir sekali, saya ingin menukil kata-kata Imam Al-Ghazali bahawa guru adalah model kepada pelajar bukan sahaja dari aspek pengajaran bidang akademik tetapi juga dari segi perwatakan. Guru perlulah mempunyai sifat penyayang terhadap pelajarnya. Beliau juga menyatakan bahawa tugas guru bukan sahaja untuk menyampaikan ilmu tetapi guru juga bertanggungjawab dalam pendidikan moral, pembentukan nilai dan akhlak yang baik.





Cikgu Hafsa bte Mohammad Kassim
Guru Sekolah Menengah Dunman
Penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2010
Kategori Guru Teladan


Cikgu Hafsa binte Mohammad Kassim ialah seorang guru kanan yang telah mengajar selama 20 tahun. Sebagai seorang guru yang berpengalaman, beliau banyak menjalankan perkongsian terutama dalam bidang Pengajaran Pembezaan kepada guru-guru kanan dan guru-guru lain yang telah dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan pada tahun 2009. Cikgu Hafsa dan kumpulan guru-guru Bahasa Melayu sekolahnya pernah dianugerahi Anugerah Emas bagi projek *Melayu Gerek – Pembelajaran Bahasa Melayu* melalui permainan bahasa. Projek ini telah berjaya ditaja oleh Citisuccess (Citibank) dan telah dipamerkan di simposium *Idea In Action* di Politeknik Ngee Ann pada 4 September 2009. Beliau juga banyak mendedahkan pelajar-pelajarnya kepada pakar-pakar yang berilmu pengetahuan seperti penulis-penulis tanahair yang terkenal supaya pelajar-pelajarnya mendapat pengalaman terus daripada pakar-pakar tersebut. Ini telah merangsang minat pelajar-pelajarnya dalam bidang bahasa dan kesusastraan Melayu. Cikgu Hafsa juga prihatin akan pelajar-pelajarnya dan sentiasa memastikan setiap pelajar yang memerlukan bantuan mendapatkan bantuan dari pihak sekolah dan badan-badan kebajikan setempat.

Keluhanan kerjaya perguruan...

Agama kita memberi penghormatan tinggi kepada ahli ilmu. Seorang guru atau pendidik termaktub di dalam golongan ahli ilmu yang tugasnya adalah untuk menyampaikan ilmu yang ada pada dirinya kepada setiap insan yang memerlukannya tanpa mengharapkan sebarang ganjaran. Niat ini disematkan di dalam diri dan matlamatnya hanyalah satu; untuk memajukan anak bangsa.

Cabaran seorang pendidik...

Sebagai seorang guru yang telah mengajar selama 20 tahun, saya amat berpuas hati dengan kerjaya saya. Ada ketika, saya terpaksa menghadapi keadaan yang menguji kesabaran saya. Namun, saya tidak pernah menyesal memilih kerjaya perguruan. Jangka waktu 20 tahun amatlah panjang dan apa yang menjadi keprihatinan saya adalah perubahan lanskap pendidikan yang begitu padat dan agak rencam. Bagaimanapun, perubahan itu tidak mengugat semangat saya. Perubahan-perubahan ini telah mengajar saya agar sentiasa bersedia untuk membuat penyesuaian. Semua perubahan ini dapat kita laksanakan jika kita mempunyai keluhuran dan keikhlasan hati. Semangat cintakan ilmu dan keghairahan menyampaikannya sentiasa saya semai dengan rasa cinta yang mendalam terhadap warisan kita supaya tidak pudar atau layu ditelan masa. Saya juga sentiasa berdoa dan memohon agar semangat dan naluri murni ini dapat terus saya pertahankan.



Nasihat pada guru baharu...

Saya akur bahawa perubahan bagi lanskap pendidikan ini akan menjadi lebih pesat dan padat pada tahun-tahun mendatang. Justeru, kepada ahli-ahli ilmu yang masih baharu di dalam bidang pendidikan atau mereka yang masih berjinak-jinak, saya sarankan agar persiapkan diri dengan ilmu kemanusiaan agar dapat menjadi benteng dan pendinding diri. Di samping itu, niat kita haruslah tulus agar tanggungjawab yang dilaksanakan sentiasa diberkati oleh Pencipta kita.





Cikgu Suriati binte Djuahir
Guru Sekolah Rendah West View
Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2010
Kategori Guru Perangsang

Cikgu Suriati Binte Djuahir mempunyai pengalaman mengajar selama 7 tahun. Beliau berusaha menyediakan ruang bagi pembelajaran Bahasa Melayu di luar bilik darjah dengan memastikan murid-muridnya terlibat dalam pelbagai kegiatan bahasa yang dianjurkan oleh jabatan Bahasa Melayu sekolahnya, di peringkat kelompok sekolah dan juga di peringkat nasional. Beliau banyak membantu murid-muridnya dengan menyediakan bahan-bahan yang dapat merangsang dan memudahkan mereka belajar. Antara bahan yang dihasilkan untuk murid-muridnya ialah sebuah buku lisan bergambar dengan panduan kosa kata bagi membimbing murid-muridnya dalam meningkatkan kemahiran lisan mereka. Beliau juga banyak menggunakan bahan-bahan ICT dalam pengajaran beliau. Beliau menggunakan Podcast untuk membantu murid-muridnya dalam pembelajaran kefahaman subjektif dan kefahaman mendengar. Kemahirannya dalam bidang ICT juga dikongsi bersama guru-guru lain di peringkat sekolah dan kelompok sekolah. Beliau juga pernah dijemput untuk memberikan ceramah kepada ibu bapa dalam mempersiapkan anak-anak mereka untuk memulakan pendidikan sekolah rendah.

Pertukaran Kerjaya

Berbekalkan pengalaman bekerja sebagai penyelia di sektor perbankan, saya bertekad untuk menyumbang kepada bangsa dengan menjadi seorang pendidik. Setelah menjakkan kaki ke dalam bilik darjah, saya mendapati apa yang saya perlukan bukanlah setakat kemahiran mengajar sahaja. Dedikasi dan rasa tanggungjawab adalah perkara yang amat penting dalam tugas saya.

Pelestarian bahasa dan budaya Melayu...

Melestarikan dan memajukan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar yang dipengaruhi dengan persekitaran yang berbeza hari ini merupakan cabaran yang hebat yang dihadapi setiap guru. Saya cuba mendedahkan murid-murid kepada suasana penggunaan bahasa Melayu secara meluas di sekolah. Pendedahan ini saya lakukan melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti dan pertandingan bahasa. Tujuan saya bukanlah untuk mereka memenangi pertandingan-pertandingan tersebut semata-mata tetapi tumpuannya lebih kepada merangsang dan meningkatkan minat murid-murid terhadap bahasa Melayu.

Saya sentiasa berusaha menitikberatkan pengajaran menggunakan ICT. Tujuannya ialah untuk menarik minat murid-murid saya belajar bahasa Melayu. Maka, lahirlah pelajaran-pelajaran bahasa Melayu melalui aktiviti *blogging*, *podcast*, forum perbincangan di portal sekolah dan penggunaan alat MP3 dalam pengajaran lisan, membaca dan bertutur.

Cabarannya seorang guru...

Pada mulanya, tidak mudah untuk saya menyesuaikan diri sebagai seorang guru. Saya rasakan bahawa kesediaan saya untuk bertanya kepada guru-guru yang lebih berpengalaman telah banyak membantu saya. Melaksanakan tanggungjawab saya dengan baik, lebih penting daripada sikap

malu yang tidak kena tempatnya. Pada pendapat saya, kerjaya seorang guru amat mencabar. Kita tidak boleh mempunyai sikap mudah berputus asa. Kegagalan tidak bererti kita tidak boleh melakukannya tetapi kita harus belajar daripada kesilapan untuk terus berjaya. Kita harus yakin bahawa kita akan berjaya jika kita terus mencuba. Contohnya, tahun pertama saya mengajar, saya diberi peluang mengajar murid-murid darjah dua yang tidak boleh membaca. Saya berusaha sedaya upaya untuk membantu mereka. Namun, sebilangan mereka tetap gagal. Saya berasa sedih namun saya sedar bahawa perkara ini tidak seharusnya melemahkan semangat saya. Saya bekerjasama dengan guru-guru lain untuk membantu murid-murid tersebut. Saya berasa kepuasan apabila melihat mereka lulus mata pelajaran bahasa Melayu dalam peperiksaan PSLE. Itulah pengalaman yang tidak dapat saya lupakan.

Nilai perkongsian...

Berdasarkan pengalaman tersebut, saya akan memberi perangsang kepada guru-guru lain terutama guru-guru baharu. Saya faham keprihatinan dan kebimbangan mereka sebaik sahaja menjadi seorang guru. Saya percaya perkongsian ilmu itu amat penting. Perkongsian itu bukan sahaja memanfaatkan diri kita tetapi juga rakan-rakan kita. Kerjasama dari pelbagai pihak amat penting demi kejayaan anak didik kita. Ini bertepatan dengan visi Arif Budiman. Ilmu yang kita ada patut dikongsi agar masyarakat dapat memanfaatkannya.

Saya sentiasa berusaha memajukan diri dan belajar daripada rakan-rakan guru yang berpengalaman dan guru-guru baharu. Keikhlasan akan dapat melahirkan keselesaan dalam suasana tempat kita bekerja sebab kita sentiasa belajar antara satu sama lain. Sebagai guru juga, kita harus menjalankan tugas kita dengan sebaik-baiknya.



8th - 28th June 2008



Anugerah Guru Arif Budiman 2010

Halaman 37



Cikgu Norafizah binte Shariff
Guru Sekolah Menengah Unity
Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2010
Kategori Guru Teladan

Cikgu Norafizah binte Shariff mempunyai pengalaman mengajar selama lebih 18 tahun. Beliau meningkatkan minat pelajar-pelajarnya terhadap pelajaran bahasa Melayu melalui program-program di luar bilik darjah. Dengan mendedahkan pelajar kepada pelbagai peraduan, pertandingan bahasa dan budaya, beliau percaya pelajar-pelajar akan terus bermotivasi untuk mengenal lebih lanjut tentang warisan bahasa dan budaya. Selain dari itu, program bahasa di sekolahnya juga disokong dengan bengkel-bengkel penulisan, persesembahan dikir barat dan penulisan komik. Ini membuat pelajar-pelajarnya sentiasa tertarik dan terus berminat untuk mempelajari bahasa Melayu. Usaha beliau memberikan maklum balas secara konsisten kepada pelajar-pelajarnya menjadikan mereka sentiasa lebih prihatin dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki prestasi mereka. Cikgu Norafizah dianggap sebagai pembimbing serta teman berkongsi yang amat disayangi oleh pelajar-pelajarnya. Ini disebabkan kesediaan beliau untuk meluangkan masa selepas sekolah untuk mendengar keluhan dan masalah mereka. Menurut beliau, dengan memahami dan menghayati visi Arif Budiman, pelajar-pelajar akan dapat merealisasikan semangat menuntut ilmu dan menjadi lebih dinamis dalam membentuk masyarakat Melayu progresif.

Kerjaya perguruan...

Walaupun sudah bergiat dalam arena perguruan ini selama 15 tahun, saya masih merasakan bahawa perjalanan saya ini masih jauh. Ilmu bukanlah ditimba semasa di alam persekolahan semata-mata. Selagi hayat dikandung badan, menuntut ilmu haruslah berterusan dan meliputi segala bidang. Sebagai seorang guru, saya perlu mengambil peluang yang ada untuk meneruskan perjuangan saya dalam mendidik anak bangsa. Tugas ini saya anggap sebagai satu amanah yang penting dan harus dipikul dengan rasa penuh tanggungjawab.



Pelestarian budaya..

Saya percaya bahawa tunjang utama bagi menjamin keutuhan sesebuah bangsa ialah pelestarian dan pemerkasaan budaya dan tradisinya . Kalau ditinjau secara teliti, sesebuah bangsa yang dianggap bertamadun itu perlu memartabatkan budayanya untuk keampuhan jati diri bangsanya. Perkara ini perlu kita perkukuhkan dan disulamjalinkan sejarah dengan perkembangan zaman.


Pengalaman menyeluru...

Oleh yang demikian, sebagai pendidik kita harus memberi pendedahan bukan sekadar penggunaan bahasa tetapi memperkenalkan budaya Melayu. Tugas guru bukan setakat melahirkan insan yang boleh berbicara dalam bahasa Melayu, tetapi membina ciri-ciri budiman yang lebih luas iaitu; insan yang mempunyai budi bicara, budi pekerti, akal budi dan hati budi yang baik. Pelajar-pelajar yang cinta akan bahasa dan budayanya akan menjadi pelajar yang tidak mudah lupa diri dan berpegang teguh kepada jati diri orang Melayu.

Nasihat untuk semua...



Jika kita benar-benar memahami tuntutan visi Arif Budiman, saya pasti kita akan menjadi guru yang lebih berdedikasi, berkeyakinan dan bersedia mempersiapkan setiap pelajar di bawah jagaan kita agar menjadi insan yang berwawasan. Sebahagian daripada tugas kita, memerlukan kita menyumbangkan kepakaran dan kekaryawanan dalam usaha untuk terus melestarikan bahasa dan mengekalkan jati diri masyarakat Melayu masa depan.





Cikgu Rabi'ah binte Rahmat
Guru Maktab Rendah Tampines
Finalis Anugerah Guru Arif Budiman 2010
Kategori Guru Perangsang

Cikgu Rabi'ah Binte Rahmat mempunyai pengalaman mengajar selama 5 tahun. Cintanya terhadap bahasa dan kesusastraan Melayu menjadikannya seorang yang sentiasa prihatin terhadap perkembangan bahasa Melayu. Minat beliau itu cuba disalurkan kepada pelajar-pelajarnya melalui kelas-kelas bahasa Melayu yang merangsang pelajar untuk terus menyelidik dan mengkaji apa yang menjadi khazanah bangsa. Cikgu Rabi'ah juga telah berkongsi mengenai "Kesinambungan Sastera Klasik Dalam Sastera Moden" semasa Seminar Bahasa Melayu anjuran Kementerian Pendidikan pada 3 Jun 2010. Hubungannya dengan pelajar-pelajar sangat akrab dan beliau sentiasa bersedia mendengar dan membantu pelajar-pelajar yang memerlukan bimbingan. Beliau juga terus merangsang minat pelajar-pelajarnya dengan menganjurkan darmawisata ke Malaysia untuk bertemu penulis buku-buku yang digunakan dalam sukanan pelajaran. Dengan ini, pelajar-pelajarnya dapat berinteraksi dan meraih pengalaman yang amat berharga ketika bersama penulis-penulis tersebut. Para pelajar beliau sentiasa berasa selesa, dilindungi dan dihormati kerana beliau prihatin dan menjaga hati mereka serta sentiasa menunjukkan budi dan hemah beliau.

Pencalonanku...


Apabila diberitahu oleh Ketua Subjek bahawa pihak sekolah akan mencalonkan aku bagi Anugerah Guru Arif Budiman, aku agak terpegun. Selama ini, apa yang aku lakukan, semuanya bermula daripada gerak hatiku yang sangat meminati bahasa dan kesusastraan Melayu. Minat ini telah mendorong aku memilih kerjaya sebagai seorang guru. Malah, segala gerak langkahku dalam melayari bahtera alam perguruan bermula dari minatku terhadap bahasa dan budaya Melayu.

Minat berkembang...

Aku membesar dengan melihat kesungguhan ibuku bekerja. Pada setiap 1 September, pasti ibuku akan membawa pulang beberapa buah kotak besar yang sarat dengan pelbagai hadiah pemberian pelajarnya. Sudah menjadi kelaziman kami, ibu akan menunggu kami pulang dan membuka hadiah-hadiah tersebut bersamanya. Begitu juga semasa hari raya, rumahku pasti akan meriah dengan kunjungan pelajar-pelajar ibuku. Keadaan ini yang mendorong diriku untuk menjadi seorang guru seperti ibuku.

Guru sumber inspirasi...


Semasa di alam persekolahan, aku amat tertarik dengan gaya dan perwatakan seorang guru yang mengajarku bahasa dan kesusastraan Melayu; Cikgu Suhana Dupri. Aku amat kagum kerana sesi pengajarannya pasti penuh dengan gelak ketawa, santai dan bersahaja. Cikgu Suhana masih ingat bahawa aku pernah menyuarakan hasratku untuk menjadi guru sastera sepertinya. Keazaman ini jugalah, yang mendorong diriku untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya sebaik sahaja aku tamat pengajian di madrasah.



Syukur kerana akhirnya cita-citaku tercapai, aku berjaya menyandang jawatan sebagai seorang guru di Maktab Rendah Tampines dan aku ditugaskan di sana untuk membimbing pelajar-pelajar dalam Program Bahasa Pilihan (Melayu) (MLEP). Seperti pucuk dicita ulam mendatang, aku diberi peluang untuk mengajar mata pelajaran kegemaranku.

Melayari bahtera perguruan...

Separjang melayari bahtera perguruan, aku banyak mendapat dorongan untuk meneruskan perjuanganku dengan galakan daripada suami, ibu dan rakan-rakan seperjuanganku. Tidak lupa juga sokongan daripada anak-anakku dan pelajar-pelajarku. Aku tahu aku harus bekerja kuat untuk memastikan anak-anakku mendapat layanan yang terbaik daripadaku. Aku juga harus senantiasa mengutamakan kejayaan pelajar-pelajarku dalam segala hal kerana itu perjanjian yang telah aku tandatangani apabila aku berikrar menjadi seorang guru. Keletah pelajar-pelajarku yang pelbagai, merupakan inspirasi yang menguatkan semangatku untuk terus berkhidmat sebagai guru. Terus terang, mereka lah yang menjadi agen motivasi yang menguatkan semangatku untuk terus berkhidmat sebagai seorang guru.



Renerima AGAQS 2007



Anugerah Guru Arif Budiman 2010

Renerima AGAQS 2008



Anugerah Guru Arif Budiman 2010

Penerima AGAOB 2009



Anugerah Guru Arif Budiman 2010

Sekalung Budi

Tetamu Terhormat
Encik Abdullah Tarmugi
Speaker Parlimen

Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu

Pendeta Dr Muhammad Ariff Ahmad

Yayasan Lee
Majlis Ugama Islam Singapura
Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud
Mini Environment Services Pte. Ltd.
Sirius Marine Pte Ltd

Guru-guru Pelatih Institut Pendidikan Nasional
Institut Millenia
Madrasah Aljunied Al-Islamiah

dan kepada mereka yang telah menyumbang kepada kejayaan majlis ini.